

Negeri perlu warta haram guna botox

KUALA LUMPUR: Semua Jabatan Agama Islam negeri perlu mewartakan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan mengharamkan penggunaan botox supaya ia boleh dikuatkuasakan sebagai undang-undang Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin, berkata hanya selepas diwartakan sebagai undang-undang, tindakan boleh diambil terhadap umat Islam yang menggunakan bahan itu dan melanggar fatwa berkenaan.

Beliau berkata, setakat ini kebanyakan negeri, termasuk Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) belum mewartakan fatwa itu, walaupun dikeluarkan lebih setahun lalu.

"Jawi hanya mendokumenkan fatwa itu sebagai panduan botox adalah bahan diharamkan penggunaannya untuk umat Islam.

"Saya tidak pasti sama ada jabatan agama Islam di negeri lain mewartakan fatwa itu sebagai undang-undang untuk dikuatkuasakan kerana ia bidang kuasa negeri masing-masing.

"Jika ia hanya fatwa dan tidak diwartakan, pihak berkuasa agama tidak boleh berbuat apa-apa untuk bertindak ke atas mereka yang mengguna, membekal, mengedar dan menjual bahan itu. Jadi, fatwa itu hanya menjadi panduan untuk umat Islam.

"Bagaimanapun, umat Islam tidak sepatutnya mengambil suntikan botox itu kerana Majlis Fatwa Kebangsaan sudah memutuskan penggunaannya untuk kecantikan sebagai haram," katanya selepas merasmikan majlis sambutan Maal Hijrah Peringkat Wilayah Persekutuan di Masjid Wilayah Persekutuan, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas langkah penguatkuasaan ke atas umat Islam yang menggunakan botox, walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan pada Julai 2006 memutuskan suntikan botox bagi tujuan kosmetik, haram kerana didapati mengandungi bahan meragukan dan bersifat najis.

Suntikan itu hanya dibenarkan untuk tujuan perubatan dengan syarat penggunaannya dikategorikan dalam keadaan darurat dan berdasarkan keperluan serta dilakukan pakar bertauliah.

Kelmarin, Mufti Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyas Abdul Wahab, berkata umat Islam menggunakan botox dinasihatkan segera menghentikannya dan wajib bertaubat kerana ia bertentangan dengan agama apabila Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan suntikan menggunakan bahan itu untuk tujuan kecantikan adalah haram.

Sementara itu, Penyelaras Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, Jamel Abdul Jaafar, ketika dihubungi mengesahkan Jawi tidak mewartakan fatwa mengharamkan botox dan hanya didokumenkan sebagai panduan.